JUZU' KE-30
SURAH
AL-QARI'AH

SURAH KE **101**

سُورَةُ الْقَارِعَةِ

SURAH AL-QARI'AH

Surah Qiamat Yang Menggemparkan

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **11**

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

ٱلْقَارِعَةُ ۝١ مَا ٱلْقَارِعَةُ ۝٢
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْقَارِعَةُ ۝٣
يَوْمَ يَكُونُ ٱلنَّاسُ كَٱلْفَرَاشِ ٱلْمَبْثُوثِ ۝٤
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ٱلْمَنفُوشِ ۝٥
فَأَمَّا مَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ ۝٦
فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ۝٧
وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ ۝٨ فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ ۝٩
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا هِيَهْ ۝١٠ نَارٌ حَامِيَةٌۢ ۝١١

"Hari Qiamat yang amat menggemparkan(1). Apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?(2).. Dan tahukah engkau apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?(3). Pada hari itu, manusia seperti kelkatu yang berkeliaran(4). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu yang dibusarkan(5). Barang siapa yang berat timbangan amalannya(6). Maka ia (akan ditempatkan) dalam kehidupan yang senang-lenang di Syurga(7). Dan barangsiapa yang ringan timbangan amalannya(8). Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah(9). Dan tahukah engkau apakah Neraka Hawiyah itu?(10). Itulah Neraka yang amat panas."(11).

Kata-kata القارعة bererti Hari Qiamat. Kata-kata itu sama dengan nama-nama Qiamat yang lain seperti:

الطَّامّة ، الصَّاخّة ، الحاقّة ، الغاشية

Kata-kata القارعة menyarankan makna ledakan yang menggemparkan dan menggentarkan hati dengan peristiwa-peristiwanya yang dahsyat.

Keseluruhan surah ini memperkatakan tentang hakikat Hari Qiamat, peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya dan kesudahannya. Ia menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Hari Qiamat.

Pemandangan yang ditayangkan di sini ialah pemandangan huru-hara dan kemusnahan yang berlaku kepada manusia dan gunung-ganang. Pada hari itu, umat manusia kelihatan seolah-olah makhluk-makhluk yang amat kecil walaupun mereka ramai:

"Seperti kelkatu yang berkeliaran"(4)

yang berterbangan simpang-siur menuju kebinasaan. Ia terbang tanpa arah dan tanpa matlamat. Pada hari itu juga, gunung-ganang yang kelihatan kukuh dan gagah menjadi seperti bulu-bulu yang dibusarkan, berterbangan dilontar-lontar dan dipermain-mainkan angin. Ia memberi gambaran yang seimbang apabila Hari Qiamat itu dinamakan dengan القارعة iaitu satu kata-kata dimana lafaznya, bunyinya serta semua hurufnya turut serta memberi bayangan yang selaras dengan kesan-kesan Qiamat yang berlaku kepada manusia dan gunung-ganang dan menyampaikan saranan-saranannya kepada hati dan perasaan manusia sebagai persediaan untuk menayangkan babak Hisab dan Balasan di akhir pemandangan itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

ٱلْقَارِعَةُ ۝١ مَا ٱلْقَارِعَةُ ۝٢
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْقَارِعَةُ ۝٣

"Hari Qiamat yang amat menggemparkan(1). Apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?(2). Dan tahukah engkau apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?"(3)

Surah ini dimulakan dengan sepatah kata yang seolah-olah seperti sebiji bom:

ٱلْقَارِعَةُ ۝١

"Hari Qiamat yang amat menggemparkan."(1)

Ia disebut menunggal tanpa sebarang penerangan, kerana nada kata-kata itu sendiri sudah cukup menyampaikan saranan-saranannya yang mengerikan. Kemudian disusul dengan pertanyaan yang menggerunkan:

مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٢﴾

"Apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?"(2)

Kerana Hari Qiamat merupakan suatu peristiwa yang menakutkan dan tidak jelas, yang menimbulkan tanda tanya.

Kemudian pertanyaan itu dijawab dengan sebuah pertanyaan yang membayangkan kejahilan (pendengarnya):

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلْقَارِعَةُ ﴿٣﴾

"Dan tahukah engkau apakah Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu?"(3)

Kerana Hari Qiamat merupakan satu peristiwa yang sukar dimengerti dan difahami.

Kemudian barulah dijawab dengan menceritakan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada hari itu. Ia tidak menjawab dengan menerangkan hakikat Hari Qiamat itu sendiri, kerana hakikatnya merupakan sesuatu yang di luar tanggapan manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 11)

يَوْمَ يَكُونُ ٱلنَّاسُ كَٱلْفَرَاشِ ٱلْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ٱلْمَنفُوشِ ﴿٥﴾

"Pada hari itu, manusia seperti kelkatu yang berkeliaran(4). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu yang dibusarkan."(5)

Inilah pemandangan pertama bagi Hari Qiamat yang amat menggemparkan itu iaitu pemandangan yang menggoncangkan hati dan menggigilkan segenap sendi. Setiap pendengar merasa segala sesuatu yang tercacak kukuh di bumi hancur lebur menjadi debu-debu yang berterbangan. Kemudian tibalah babak akhir seluruh manusia di hari itu:

فَأَمَّا مَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٦﴾
فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٧﴾
وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٨﴾ فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾
وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا هِيَهْ ﴿١٠﴾ نَارٌ حَامِيَةٌۢ ﴿١١﴾

"Setelah itu, barangsiapa yang berat timbangan amalannya(6). Maka ia (akan ditempatkan) dalam kehidupan yang senang-lenang di Syurga(7). Dan barang siapa yang ringan timbangan amalannya(8). Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah(9). Dan tahukah engkau, apakah Neraka Hawiyah itu?(10). Itulah Neraka yang amat panas."(11)

Yang Berat Timbangan Amalannya Kembali Ke Syurga

Berat ringan timbangan amalan itu menyarunkan adanya amalan-amalan yang bernilai dan dihargai Allah, dan adanya amalan-amalan yang tidak bernilai dan tidak dihargai Allah. Inilah keseluruhan yang dapat difaham dari ungkapan ayat ini. Inilah – Wallahu a'lam - yang dimaksudkan Allah dengan firman-Nya itu. Percubaan menceburkan diri dalam perdebatan-perdebatan 'aqliyah dan lafziyah mengenai maksud-maksud dari ungkapan ayat itu merupaan satu perbuatan biadab terhadap Al-Qur'an, di samping merupakan satu usaha sia-sia yang didorong oleh kekosongan hidup, yang menghalangi seseorang dari memberi perhatian yang sebenar terhadap Al-Qur'an dan Islam.

فَأَمَّا مَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٦﴾

"Barang siapa yang berat timbangan amalannya."(6)

Yakni menurut pertimbangan dan penilaian Allah.

فَهُوَ فِى عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ ﴿٧﴾

"Maka ia (akan ditempatkan) dalam kehidupan yang senang-lenang di Syurga."(7)

Yang Ringan Timbangannya Kembali Kepada Ibunya Neraka

Kenyataan ini ditinggalkan begitu sahaja tanpa penjelasan, dan ini menimbulkan dalam hati suasana-suasana puas hati, dan itulah kemuncak keni'matan.

وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ ﴿٨﴾

"Dan barang siapa yang ringan timbangan amalannya."(8)

Yakni menurut pertimbangan dan penilaian Allah.

فَأُمُّهُۥ هَاوِيَةٌ ﴿٩﴾

"Maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah."(9)

Makna asal أم ialah "ibu". Si ibu ialah tempat kanak-kanak kembali mencari perlindungan, sedangkan ibu tempat kembali bagi orang-orang yang ringan timbangan amalannya untuk mencari perlindungan pada hari itu ialah Neraka Hawiyah. Pengungkapan ini sangat indah dan memberi imbangan makna yang khusus. Ia juga merupakan satu kenyataan yang tidak jelas sebagai persediaan untuk diiringi dengan penjelasan yang menjadikan kesan kenyataan itu bertambah mendalam lagi:

وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا هِيَهْ ﴿١٠﴾

"Dan tahukah engkau apakah Neraka Hawiyah itu?"(10)

Satu pertanyaan yang menyaranken kejahilan (pendengarnya) untuk menggerunkan. Ini suatu gaya bahasa yang lumrah dalam Al-Qur'an untuk mengeluarkan sesuatu persoalan dari batas kefahaman dan tanggapan manusia.

Kemudian dijawab dengan nada penamat kata:

"Itulah Neraka yang amat panas.(11)

Itulah ibu tempat kembalinya orang-orang yang ringan timbangan amalan mereka untuk mencari perlindungan. Biasanya, pada ibulah terdapat keamanan dan ketenangan, tetapi malangnya orang-orang ini mendapat pada ibunya Neraka yang amat panas. Ini adalah suatu ungkapan yang menimbulkan rasa terkejut yang membayangkan hakikat yang kejam.

* * * * * *